



جياتن كحاكيمن شرعية هليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5
Takwim : 5 Zulkaedah 1421
Tarikh : 29 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2001

Pengesahan Nikah Luar Negara

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9-11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung pengesahan nikah di luar negara seumpama perkahwinan yang dilakukan di negara Thailand. Pengesahan nikah ini hendaklah merujuk kepada Fatwa Negeri masing-masing yang telah diwartakan. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur
2 Januari 2001